

23 APR 1998

HUBUNGAN MALAYSIA-BURKINA FASO CONTOH BAIK KERJASAMA SELATAN-SELATAN

KUALA LUMPUR, 23 April (Bernama) -- Presiden Blaise Compaore dari Burkina Faso berkata hubungan rapat negaranya dengan Malaysia akan menjadi teladan dalam kerjasama ekonomi yang tulen di kalangan negara-negara Selatan.

"Saya berharap persahabatan ini akan mengambil kira bidang-bidang penting seperti perlindungan alam sekitar, hidupan liar dan flora kerana Malaysia merupakan antara perintis dunia dalam bidang ini," katanya.

Ketika berucap pada jamuan negara yang diberikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar sempena lawatannya ke Malaysia, Compaore berkata langkah-langkah telah diambil secara dua hala untuk memenuhi hasrat rakyat kedua-dua negara.

Antara tindakan yang diambil ialah memeterai dua perjanjian kerjasama, satu mengenai perdagangan dan satu lagi untuk menggalak dan melindungi pelaburan.

Compaore memuji Tuanku Ja'afar dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kerana berjaya menjadikan Malaysia "satu daripada paksi kemajuan dan kestabilan di Asia Tenggara walaupun dalam keadaan ekopnomi yang meleset."

Beliau tiba semalam untuk lawatan lima hari.

-- BERNAMA

MT MAI